

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk memperkenalkan pelajaran kelestarian alam sekitar dan konservasi merentasi sistem pendidikan untuk menyedarkan anak muda mengenai masalah perubahan iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan tiada keperluan untuk mewujudkan mata pelajaran kelestarian alam sekitar dan konservasi di sekolah pada masa ini. Namun, sebagai usaha untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan perubahan iklim kepada murid-murid, KPM telah pun mengambil kira perkara tersebut dalam kurikulum persekolahan.

Sebagai contoh melalui mata pelajaran Geografi, perkara berkaitan dengan perubahan iklim dipelajari dalam tajuk Pemanasan Global. Dalam tajuk tersebut murid mempelajari tentang konsep pemanasan global, faktor yang menyebabkan pemanasan global secara semula jadi dan disebabkan oleh manusia, kesan pemanasan global, langkah-langkah untuk mengurangkan pemanasan global dan persediaan murid untuk menghadapi fenomena cuaca dan iklim berkaitan dengan pemanasan global turut diberi penekanan. Selain itu, pelaksanaan Pendidikan Sivik juga memberi pendedahan kepada murid mengenai kelestarian alam sekitar dan konservasi melalui tajuk pemeliharaan dan pemuliharaan, flora dan fauna dan kelestarian global.

Bagi memperkukuhkan lagi kefahaman murid-murid dan warga sekolah berhubung pentingnya menjaga alam sekitar, KPM dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar telah melaksana Program Sekolah Lestari: Anugerah Alam Sekitar di semua sekolah seluruh negara. Melalui program ini, elemen pendidikan alam sekitar diterapkan kepada guru dan murid secara langsung dan komuniti setempat secara tidak langsung dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, KPM dengan kerjasama Universiti Awam (UA) sentiasa menyokong aspek kelestarian hijau bagi meminimakan impak negatif terhadap alam sekitar disamping menggalakkan penggunaan sumber yang optimum.

NO. SOALAN: 37

Pihak UA telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Unit Lestari Kampus (SCU) yang bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan aktiviti “Go Green” di kampus UA. Penubuhan SCU sebagai pusat sehenti (one stop centre) bagi menangani isu-isu persekitaran yang berorientasikan program inovasi, kreatif dan mampan dilihat mampu memastikan keseimbangan ekosistem kampus yang lestari melalui inisiatif penghijauan kampus yang lebih agresif dan berkesan.

Selain itu, di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ada menawarkan pelbagai kursus ilmu asas dan liberal aras tinggi yang merentasi bidang utama program pengajian. Kursus-kursus ini merangkumi bidang kemanusiaan, sains asas, ekonomi, kewangan dan alam sekitar seperti Pengurusan Air Dan Kehidupan, Pemikiran Ekonomi Biodiversiti dan Isu Dan Kepentingan Fauna Marin.

KPM percaya bahawa usaha untuk meningkatkan kesedaran pentingnya menjaga kelestarian alam sekitar tidak harus hanya berlaku di sekolah dan kampus sahaja. Kerjasama dan keprihatinan ibu bapa, masyarakat, pemimpin setempat, badan bukan Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan amat penting dalam membudayakan dan melahirkan rakyat Malaysia yang cintakan alam sekitar demi mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan setiap manusia.

Sekian, terima kasih.